

CNS0435

U GB 21-01 00146 BH947

BAH

Mahathir - Wawasan

SETIAP RAKYAT PERLU KEMUKAKAN IDEA UNTUK CAPAI WAWASAN

KUALA LUMPUR, 21 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, setiap rakyat perlu mengemukakan idea untuk dapat membentuk satu tindakan bagi memastikan matlamat Wawasan 2020 dapat dicapai.

Beliau berkata, setiap rakyat mempunyai pandangan yang berbeza yang dapat membantu negara mencapai matlamat tersebut.

Sejak idea Wawasan 2020 diumumkan dua tahun yang lepas, idea itu telah mendapat sambutan yang menggalakan kerana ia telah menentukan arah dan matlamat negara sebagai yang dinantikan rakyat, katanya pada majlis pelancaran majalah, bulanan +2020+ di sini, hari ini.

Katanya, rakyat Malaysia memang menanti satu wawasan untuk membangunkan negara sebagai sebuah negara yang maju dan dengan pengumuman itu ia bagaikan "pucuk dicita ulam mendatang."

"Tidak dinafikan ada yang sinis mengenai idea itu, tetapi jumlahnya kecil sahaja," katanya. -- Lagi.

▼21/01/21-34MST

CNS0439

U GB 21-01 00136 BH948

BAH

Mahathir - Wawasan 2 (Akhir) Kuala Lumpur

"Malah ada yang mengatakan Wawasan 2020 itu sebagai Wawasan Dua-Dua Kosong yang bermakna hanya satu idea yang kosong," tambahnya.

Katanya: "Kita tidak harus ambil berat pandangan seumpama itu kerana lebih ramai yang mahu negara ini membangun dan sedang berkerja keras ke arah matlamat tersebut."

Beliau berkata, dalam usaha membangunkan negara ini, usaha juga perlu dilakukan untuk merekodkan segala idea yang dikemukakan untuk mencapai wawasan itu.

Dr Mahathir berkata; usaha majalah ini untuk membukukan idea-idea tersebut ialah satu usaha yang murni bagi memastikan usaha mencapai wawasan tersebut dapat dibuktikan di kemudian hari.

Antara mereka yang menyumbang hasil tulisan di majalah itu ialah Prof Diraja Ungku Aziz, Prof Datuk Khoo Kay Kim dan Tan Sri Khir Mohamed Johari. -- Bernama.

▼21/01/21-38MST